

10/03/2001

Had umur Ketua Puteri Umno 40 tahun

KUALA LUMPUR, Jumaat - Had umur bagi jawatan Ketua Puteri Umno ditetapkan kepada 40 tahun, manakala ahlinya pula hendaklah berumur kurang daripada 35 tahun, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, Presiden Umno itu berkata penentuan bagi jawatankuasa penaja dan ketua unit akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno yang dipengerusikan Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Semua keputusan mengenai pelantikan ketua dan jawatankuasa penaja akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno nanti," katanya ketika ditemui selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Abdullah pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Umno pada 22 Februari lalu dilaporkan berkata, ahli yang bakal dilantik dalam jawatankuasa penaja Puteri Umno akan mewakili semua negeri.

Bagaimanapun, sehingga kini difahamkan, pihak MT masih belum menamakan atau mencari calon sesuai yang bakal mengetuai jawatankuasa penaja berkenaan.

Ketika ditanya sama ada had usia bawah 40 tahun bagi jawatan ketua itu bermakna ahli MT, Azalina Othman berpeluang menjadi Ketua Puteri, Dr Mahathir berkata: "Itu tak tahulah... itu akan ditentukan tetapi yang paling penting pada prinsipnya ia sudah ditentukan."

Sementara itu, Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz ketika ditemui berkata, pihaknya masih belum berjaya mencari calon sesuai untuk dilantik sebagai ahli jawatankuasa penaja Puteri Umno.

Katanya, keadaan itu berlaku kerana ahli Wanita Umno yang berusia dalam lingkungan 18 tahun hingga 35 tahun lebih selesa kekal bersama pergerakan berkenaan.

"Ini bermakna jawatankuasa penaja bagi unit Puteri Umno perlu diambil daripada kalangan orang yang luar daripada Umno sendiri dan bukan ahli sedia ada," katanya.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan supaya wanita profesional Melayu yang berusia dalam lingkungan 18 hingga 35 tahun yang berminat menyertai Puteri Umno, mendaftarkan nama mereka di ibu pejabat Umno sebagai ahli unit itu.

(END)